

NO. SOALAN: 33

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

TARIKH : 31 JULAI 2017

RUJUKAN : 10152

SOALAN:

Dr. Che Rosli Bin Che Mat [Hulu Langat] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan komitmen Kementerian untuk mengawal kandungan filem dan drama tempatan yang memaparkan adegan-adegan menjolok mata yang tidak sesuai dengan budaya dan nilai norma masyarakat Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Lembaga Penapis Filem (LPF) bertanggungjawab untuk menapis filem-filem yang ditayangkan, disiarkan, dipamerkan, disebar, ditayangkan, diedarkan atau dipancarkan di Malaysia.

Untuk maksud tersebut, Kementerian telah mewujudkan satu garis panduan yang dinamakan Garis Panduan Penapisan Filem yang telah sedia dan dikemaskini pada tahun 2010. Penyediaan garis panduan ini turut melibatkan agensi Kerajaan lain dan pihak industri perfileman. Garis Panduan Penapisan Filem tersebut menggariskan 4 aspek utama iaitu:

- i. Keselamatan dan Ketenteraman Awam;
- ii. Keagamaan;
- iii. Sosiobudaya; dan
- iv. Ketertiban dan Ketatasusilaan.

Semua bentuk adegan mencolok mata yang keterlaluan dan melampau serta melanggar aspek Ketertiban dan Ketatasusilaan akan diubah sewajarnya atau tidak akan diluluskan. Dalam hal ini, filem-filem yang ditonton tapis LPF juga akan diklasifikasikan mengikut kesesuaian had umur penonton iaitu Umum (U), P13 dan 18.